



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Perak
Jalan Tun Abdul Razak
30640 Ipoh, Perak Darul Ridzuan

Tel : 605 501 5000
Faks : 605 527 7273
Laman Web : <http://jpnperak.moe.gov.my>

“PENDIDIKAN BERKUALITI, SEKOLAH UNGGUL, MURID HOLISTIK”

Ruj. Kami : JPNPk.SPM.KOKU.600-3/4/10(39)

Tarikh : 15 Sya'ban 1442H.

29 Mac 2021

XUSED WORLDWIDE SOLUTION SDN BHD

2-19-01 Worldwide @ 7

Jalan Lazuardi 7/29

Section 7

40000 Shah Alam

Selangor.

Tuan,

KEBENARAN MENJALANKAN PROGRAM KITAR SEMULA “XUSED-LEARN & EARN” DAN SISTEM EKO LENGKAP PEMBAYARAN TANPA TUNAI DI SEKOLAH 2021

Sukacita saya merujuk perkara di atas. Surat daripada XUSED Worldwide Solution Sdn Bhd, XU/2021/01/25 bertarikh 25 Januari 2021 adalah berkaitan.

2. Dengan ini dimaklumkan bahawa jabatan ini **tiada halangan** untuk membenarkan pihak XUSED Worldwide Solution Sdn Bhd menjalankan program tersebut. Namun begitu, ia haruslah menepati syarat-syarat berikut:

- 2.1 Persetujuan mestilah diperolehi dari Pengetua / Guru Besar sekolah berkenaan.
- 2.2 Tiada unsur paksaan terhadap guru untuk menyertai program tersebut dan mestilah secara sukarela.
- 2.3 Pihak Urusetia dikehendaki memastikan keselamatan guru diberi keutamaan.
- 2.4 Tidak melibatkan implikasi kewangan terhadap Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan sekolah.
- 2.5 Sila patuhi **Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 10/2011 Garis Panduan Penglibatan Pihak Sekolah Dalam Program atau Aktiviti Anjuran Pihak Luar Selain Daripada Agensi Di Bawah Kementerian Pelajaran Malaysia** serta dibaca bersama peraturan-peraturan yang terkandung dalam **SPI 24/1998 (Penglibatan Guru dan Murid Dalam Aktiviti Pasukan Pakaian Seragam Agensi Kerajaan dan Bukan Kerajaan)**.
- 2.6 Guru tersebut perlu mematuhi **SPI Bil. 8/2016 (Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah dan SPI Bil. 9/2016 (Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah)** berhubung penggunaan masa dan peruntukan waktu pengajaran dan pembelajaran mengikut jam kredit setahun.

KEBENARAN MENJALANKAN PROGRAM KITAR SEMULA “XUSED-LEARN & EARN” DAN SISTEM EKO LENGKAP PEMBAYARAN TANPA TUNAI DI SEKOLAH 2021

JPNPk.SPM.KOKU.600-3/4/10(29)

29 Mac 2021

2.7 Pihak Jabatan berhak menarik balik surat kelulusan atau kebenaran sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuatkuasa.

3. Kebenaran ini adalah hanya untuk memberi kebenaran dan pelepasan guru dan murid adalah tertakluk kepada perincian serta akan luput sekiranya berlaku sebarang perubahan maklumat seperti yang ditetapkan.

4. Pihak XUSED Worldwide Solution Sdn Bhd juga perlu mematuhi garis panduan pencegahan Covid-19 yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara. Sebarang pertanyaan, hubungi **Wan Muhamad Huzairi bin Shukri** di talian **012-9559071**.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(AZNAN BIN HAJI ALIĀS. AMP)
Timbalan Pengarah Pendidikan,
Sektor Pembangunan Murid,
b.p. Pengarah Pendidikan Negeri Perak.

“ SEJAHTERA RAKYAT PERAK DARUL RIDZUAN “